



10 perintis seni bina USIM terima ijazah

» Program diperkenal tiga tahun lalu kini mempunyai 90 pelajar

“*Saya berharap program ini terus berkembang dan melahirkan lebih ramai graduan yang memenuhi keperluan semasa yang bukan hanya mahir dalam seni bina, tetapi peka kepada alam persekitaran*”

Ar Zuhairuse Md Darus,
Ketua program Seni Bina
Universiti Sains Islam Malaysia

Oleh Tuty Haryanti
Ahmad Rodzi
tuty@bh.com.my

► Bandar Baru Nilai

Seramai 10 graduan Fakulti Sains dan Teknologi menjadi kumpulan pertama menerima Ijazah Sarjana Muda Seni Bina pada Majlis Konvokesyen Ke-13 Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) hari ini.

Program Seni Bina yang diperkenalkan pada tahun 2012 itu bermula dengan seramai 26 orang pelajar dan kini mempunyai seramai 90 pelajar Tahun

Satu sehingga Tiga.

Ketua program, Profesor Ar Zuhairuse Md Darus, berkata pada awal penubuhan program itu, hanya ada seorang pensyarah sepenuh masa yang dibantu enam pensyarah separuh masa dari universiti awam berdekatan dan arkitek dari industri.

Lahir graduan terlatih

Bagaimanapun, katanya kini ada tujuh pensyarah sepenuh masa mengendalikan program yang bertujuan melahirkan graduan seni bina berdaya cipta tinggi dan pada masa sama mempunyai latar belakang pendidikan agama.

“Saya yakin graduan yang lahir dari program ini mampu menjadi arkitek bertauliah dan mahir dalam bidang seni bina, sekali gus mampu memberikan sumbangan bermakna kepada pembangunan negara, ummah dan agama,” katanya.

Ar Zuhairuse berkata, pihaknya akan memastikan pembangunan program itu berlandaskan kepa-

da ilmu aqli dan naqli (dunia dan akhirat), yang menjadi dasar USIM.

Asah bakat jadi lebih kreatif

“Saya berharap program ini akan terus berkembang dan melahirkan lebih ramai graduan yang memenuhi keperluan semasa yang bukan hanya mahir dalam seni bina, tetapi peka kepada alam persekitaran,” katanya.

Sementara itu, Timbalan Dekan Pembangunan Pelajar dan Pengurusan Prestasi, Fakulti Sains dan Teknologi, Prof Dr Norita Md Norwawi, berkata USIM menggalakkan pelajar bergiat aktif dalam apa sahaja aktiviti yang membolehkan mereka mengasah bakat menjadi lebih kreatif.

Katanya, selain membantu mengindahkan bangunan universiti itu, pelajar boleh mengambil peluang mengikuti aktiviti luar kampus.

“Pada Mac lalu, sebanyak 10 rekaan model rumah mangsa banjir di Tumpat, Kelantan oleh



Norita Md Norwawi

sekumpulan pelajar dan pensyarah Program Seni Bina USIM, terpilih menyertai projek Shelter anjuran Tesco Stores Malaysia Sdn Bhd (Tesco Malaysia).

“Apa yang menarik mengenai rekaan mereka adalah kerana menepati syariat apabila kedudukan pintu masuk rumah menghadap kiblat manakala ruang dapur terlindung,” katanya.

Selain itu beliau berkata, pelajar Program Seni Bina mereka bentuk konsep majlis konvokesyen itu iaitu Muqarnas, antara binaan yang paling asli dalam seni bina Islam yang tidak ada dalam mana-mana tamadun sebelum itu.